

07/03/2003

OIC sepakat tolak tindakan ketenteraan

Kadir Dikoh

KIRA-KIRA empat jam selepas pertelingkahan tercetus di antara Naib Presiden Iraq, Izzat Ibrahim al-Douri dan Menteri Luar Kuwait, Sheikh Mohammed Sabah Al Salem Al Sabah, pada Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha kelmarin, penulis bersama dua lagi rakan wartawan, bertembung secara tidak sengaja dengan pemimpin kedua

tertinggi pada Majlis Pemerintah Revolusi Iraq itu dalam lif di hotel Ritz-Carlton, tempat berlangsungnya sidang itu.

Kami bertiga dalam perjalanan menuju ke bilik penginapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersiap untuk menghadiri sidang akhbar. Ketika itu Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Turki, Abdullah Gul di tingkat 18.

Bagaimanapun, kami tersepit di ruang lif yang penuh sesak dengan pengawal keselamatan dan gagal untuk melepaskan diri serta melangkah keluar ketika pintu lif tingkat 18, terbuka buat beberapa ketika. Kami terpaksa 'menyertai rombongan' itu naik dan kemudian turun hingga ke tingkat bawah, sebelum naik semula.

Izzat yang sudah berumur memang sukar didekati, tetapi kelihatan peramah dan menurut wartawan Arab di Doha, bukan senang untuk menyerbu bagi mendapatkan berita daripada beliau seperti lazimnya wartawan lakukan di Malaysia. Jika berani mendekatinya, alamat terkena siku pengawal peribadi.

Sememangnya Izzat dan Sheikh Mohammed Sabah menjadi tumpuan pada sidang itu selepas kedua-duanya bertikam lidah secara terbuka yang disiarkan secara langsung oleh televisyen Qatar, sebelum siaran itu terpaksa dimatikan buat seketika.

Ia berlaku ketika Izzat berucap dan lari daripada teks ucapan asal dengan menuduh Kuwait sebagai ejen Amerika Syarikat dan pengkhianat kepada

ummah. Ini mencetuskan kemarahan Menteri Luar Kuwait itu yang bangun membantah dengan mendakwa Izzat sebagai pembohong. Kemudian Izzat menjawab

balik dengan ungkapan "anda ejen (Amerika), anda monyet".

Bagaimanapun, pengerusi sidang, Emir Qatar, Sheikh Hamad Bin Khalifa Al-Thani, merangkap Pengerusi OIC sekarang berjaya mengawal keadaan. Iraq dan Kuwait adalah negara jiran yang sudah bermusuhan sejak lebih sedekad lagi.

Pada sidang akhbar untuk wartawan Malaysia kemudian, Dr Mahathir berkata perwakilan yang berucap pada sidang itu mempunyai pendirian suara yang senada berkisar kepada isu Iraq kecuali wujud perbezaan di antara Kuwait dan Iraq, yang sememangnya dijangka tetapi semuanya bersetuju supaya Iraq tidak diserang.

Perdana Menteri mengakui wujud pecahan yang agak serius dalam OIC

tetapi

yakin ia dapat diatasi "kerana saya percaya jika kita tumpu kepada apa yang kita setuju dan ketepikan apa yang kita tidak setuju, maka kita boleh

bercakap dengan satu suara".

"Contohnya, semua tidak setuju terhadap serangan Amerika ke atas Iraq dan kita harus tumpu di situ dan bukan membawa faktor luaran seperti masalah (negara terbabit) dengan Iraq," katanya.

Kehadiran Dr Mahathir pada sidang itu memang dinantikan. Bayangkan, pemimpin OIC yang sepatutnya memulakan sesi akhir pada sebelah petang kelmarin, tidak memulakannya selagi Perdana Menteri tidak muncul.

Mereka sanggup menunggu Dr Mahathir turun dari biliknya untuk ke dewan persidangan kerana ketika itu beliau mengadakan sidang akhbar untuk wartawan Malaysia selepas berbincang dengan Perdana Menteri Turki.

Selepas sidang itu berakhir pula, stesen televisyen Al-Jazeera yang menyaingi CNN, menemu bual Dr Mahathir sebelum beliau berlepas ke Argentina untuk memulakan cuti dua bulan.

Perdana Menteri yang bakal mempengerusikan OIC, Oktober ini, memberi komitmen tinggi untuk menghadiri sidang itu meskipun sudah memulakan percutian.

Dalam ucapannya ketika sidang sebelah pagi, Dr Mahathir awal-awal lagi membawa mesej dengan merayu kepada negara Islam supaya merapatkan hubungan

dan sanggup bekerjasama ketika keadaan genting dan mencabar sekarang untuk

menghalang perang terhadap Iraq dan bagi membantu rakyat Palestin.

Beliau yang mencadangkan perang diharamkan baru-baru ini, menegaskan untuk sekian lama negara Islam dipinggirkan sementara keputusan penting yang membabitkan ummah, ditentukan dan dikenakan terhadap mereka oleh orang lain dan "suara OIC tidak diberi pertimbangan sewajarnya kerana kita

gagal untuk bercakap dengan satu suara."

Mesej Dr Mahathir itu harus dihayati negara Islam di Teluk, terutama Kuwait dan Iraq kerana selagi mereka berbalah sesama sendiri, sebarang usaha untuk melakukan sesuatu tindakan bersama agak sukar, apatah lagi bagi mempengaruhi kuasa besar menghalang serangan terhadap Baghdad.

Lebih menyedihkan ada negara Teluk yang sanggup menyediakan kemudahan bagi penempatan tentera Amerika melancarkan serangan ke atas Iraq.

Sidang Kemuncak Tergempar OIC pada akhir mesyuarat sepakat untuk tidak mengambil bahagian dalam sebarang tindakan ketenteraan yang menasar kepada keselamatan dan integriti wilayah Iraq atau mana-mana negara Islam

lain, dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan.

Ia juga mendesak masyarakat antarabangsa bekerjasama bagi memusnahkan senjata pemusnah di rantau Asia Barat, termasuk Israel, sejajar dengan Bab

14 resolusi no 687 (1991) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan dalam hubungan ini, meminta supaya dasar berat sebelah diakhiri.

Pernyataan bersama itu turut menolak sebarang percubaan bertujuan mengenakan perubahan di rantau Asia Barat, mencampuri urusan hal ehwal dalaman sesebuah negara atau tidak menghiraukan kepentingan keadilan serta

mengulangi desakan supaya sekatan yang dikenakan ke atas Iraq ditarik

balik.

Penyataan itu turut mengalu-alukan penerimaan Iraq kepada Resolusi 1441

Majlis Keselamatan PBB dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Iraq bagi mempermudah tugas pemeriksa senjata.

Mengenai konflik Palestin, pernyataan itu mendesak PBB dan Majlis Keselamatannya untuk memainkan peranan memelihara keamanan serta keselamatan dengan meminta Israel menghentikan penindasan terhadap rakyat

Palestin serta melindungi mereka.

Sejauh mana seruan itu didengar oleh Amerika yang `mengawal' PBB tidak diketahui tetapi yang pasti, Washington berupaya melakukan serangan ke atas Baghdad sama ada direstui atau tidak oleh Majlis Keselamatan PBB dan

tindakan unilateral (bersendirian) ini dibantah oleh Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang dipengerusikan Dr Mahathir dan OIC, yang mahu supaya

prinsip multilateral (pelbagai hala) diguna pakai dalam setiap tindakan bagi menangani konflik antara negara.